

**BAHASA MELAYU SEBAGAI PENJANA
TAMADUN ILMU DI RANTAU BERBAHASA
MELAYU: SEJARAH DAN KEVIUNGKINAN-
NYA DALAM ABAD KE-21**

oleh

**Dato' Dr. Hassan bin Ahmad
(Malaysia)**

Sebermula

Terlebih dahulu hendaklah kita ketahui dengan sebenar-benarnya bahawa manusia telah diciptakan Allah dengan kebolehan menggunakan bahasa - pelbagai bahasa - supaya manusia itu dapat menjadi makhluk yang sebaik-baik di muka bumi ini. Bererti, supaya manusia itu dapat menciptakan tamadun dan kemajuan yang tinggi dan beradab melalui bahasanya sendiri berdasarkan akal. Dengan akal manusia mengetahui ilmu. Ilmu ialah asas ketamadunan. Inilah anugerah Allah yang istimewa yang membezakan manusia daripada haiwan atau binatang. Ketahuilah bahawa tidak ada bangsa di dunia ini yang tamadunnya dibina melalui bahasa asing, bahasa yang tidak difahami oleh bangsa itu. Tamadun terbentuk melalui bahasa asing, bahasa yang tidak difahami oleh bangsa itu. Tamadun terbentuk melalui penciptaan budaya *cultural production* dan pencetusan akal budi manusia yang bersifat indigenus, yang mempunyai identitinya tersendiri. Walaupun pertembungan antara budaya atau tamadun yang berlainan sering berlaku dalam sejarah manusia, identiti atau jati diri sesuatu bangsa itu tetap kekal sekiranya pada bangsa itu sudah wujud kekuatan dalaman atau alat-alat tertentu yang mampu *menilai, mencerna* dan *memilih*, tidak hanya meniru dan menyerap, unsur-unsur terbaik daripada tamadun luar yang ditemuinya itu untuk memperkaya tamadun sendiri berdasarkan nilai dan acuan sendiri. Jika kekuatan ini tidak ada akan berlakulah proses pemusnahan atau penjajahan tamadun luar ke atas tamadun setempat. Dengan takdir Allah, maka adalah pada bangsa Melayu -Indonesia di rantau ini suatu alat yang mampu berperanan sebagai pencipta tamadun tinggi lama sebelum berlakunya 'proses globalisasi' yang didorong oleh semangat penjajah ekonomi, politik dan budaya Barat yang bermula sejak Christopher Columbus membuka jalan-nya di 'Dunia Baru', *the New World*, iaitu di tanah Amerika, lebih 500 tahun dahulu. Alat itu ialah bahasa Melayu.

Tujuan

Adapun tujuan kertas kerja ini dua perkara: pertama, untuk menceritakan semula kisah yang kita semua mungkin sudah tahu, iaitu kisah bahasa Melayu (BM) menjadi alat pembentuk tamadun persuratan dan ilmu di seluruh rantau ini, rantau yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik, pelbagai bahasa dan ragam bahasa dan pelbagai budaya dan agama. Hal yang perlu kita perhatikan bukanlah soal linguistik BM itu tetapi ialah sejarah budayanya. Kedua, kita hendak menegaskan - takut-takut orang sekarang sudah lupa - bahawa rantau kita ini ialah *rantau berbahasa Melayu - Bahasa Indonesia*, bukan rantau berbahasa Inggeris. Maka apa juga usaha kita untuk memajukan kawasan kita ini, dalam bidang apa pun, kita tidak dapat lari daripada hakikat ini.

Tentang Konsep 'Bahasa Maju'

Sehubungan dengan soal 'kemajuan bangsa', ada orang (termasuk para pemimpin negara) di Malaysia, misalnya, yang lantang berkata bahawa untuk menjadi negara atau bangsa yang maju, orang Melayu mesti mengetahui bahasa Inggeris, bukan sebagai bahasa kedua tetapi sebagai alat utama kemajuan negara dan bangsa. Apakah minda mereka sudah terjajah oleh budaya dan politik bahasa Inggeris, saya tidak tahu, dan kalau dicabar mereka mungkin marah. Barangkali mereka terpengaruh, walaupun mereka tidak menyedarinya, dengan konsep *language development* atau 'kemajuan bahasa' yang dikaitkan dengan kemajuan atau *development* dunia Barat dalam bidang ekonomi dan perindustrian abad ke-18 atau ke-19. Dari tradisi itu lahirlah takrif tentang 'bahasa maju' atau 'bahasa moden' seperti yang cuba dijelaskan oleh ahli sosiologi bahasa ortodoks Barat, misalnya Ferguson (1968), yang berkata bahawa bahasa yang maju atau *a developed language* ialah bahasa yang memiliki tiga ciri, iaitu (a) bahasa An sudah mempunyai sistem tulisan yang jelas dan lengkap (yakni, tidak praliterat), (b) bahasa itu sudah membentuk suatu ragam bahasa yang disebut *a supradialectal form*, yakni ragam bahasa yang mengatasi ragam-ragam bahasa daerah, dialek, bahasa pasar dan sebagainya, dan (c) bahasa itu mampu menterjemahkan karya-karya ilmu atau *modern forms of discourse* daripada bahasa-bahasa dunia yang maju (yang dimaksudkan ialah bahasa Eropah/Barat). Kalau inilah kriteria 'bahasa yang maju' apalah yang hendak dihiraukan

kerana berdasarkan kriteria itu BM memang sudah maju sekurang-kurangnya sejak abad ke-13 lagi, seperti yang akan kita jelaskan nanti.

Satu pandangan atau 'teori' lain yang perlu juga kita sebutkan di sini (kerana pengaruhnya terhadap pemikiran bangsa kita tentang fungsi bahasa sebagai alat pembangunan/kemajuan negara nampaknya kuat hingga kini walaupun mereka mungkin tidak menyedari adanya 'teori' itu) ialah pandangan Fishman (1968) yang membezakan fungsi atau taraf bahasa 'peribumi' (di negara bekas tanah jajahan Barat) dengan taraf atau fungsi bahasa LWC *Language of Wider Communication*, misalnya bahasa Inggeris atau bahasa Perancis: bahasa 'peribumi' dianggap penting hanya untuk tujuan dan kepentingan 'fungsi nasionalis', fungsi simbolik atau fungsi pembentuk 'identiti bangsa' dari segi makna sosiobudaya, manakala bahasa LWC Barat penting untuk tujuan atau fungsi 'nasionis', yakni sebagai bahasa kemajuan di negara sedang membangun. Kita perhatikan bahawa di Malaysia, misalnya, sering kali apabila para pemimpin negaranya bercakap tentang 'bahasa kemajuan', yang dimaksudkan ialah bahasa Inggeris. Apabila mereka bercakap tentang 'martabat' BM, yang dimaksudkan ialah fungsi bahasa itu sebagai 'bahasa pentadbiran kerajaan' atau sebagai 'bahasa perpaduan' (entah apalah yang dimaksudkan dengan istilah ini, kita kurang periksa).

Ketahuiilah bahawa takrif itu bukan linguistic tetapi ialah takrif yang bersifat sosiologis atau non-linguistik atau politik. Dari segi linguistiknya, tidak ada bahasa di dunia ini yang dapat dikatakan lebih maju atau lebih mundur daripada bahasa yang lain. Jadi, semua bahasa di dunia mampu berfungsi sebagai bahasa kemajuan, bahasa ilmu dan bahasa pembentuk tamadun tinggi asalkan persekitarannya tidak menghalang pertumbuhannya ke arah itu. Bahasa yang belum mempunyai sistem tulisan pun tidak bererti bahasa itu 'tidak maju' dari segi keupayaannya untuk mengungkapkan fikiran tinggi dan abstrak. Sebagai contoh, cuba kita lihat hasil sastera lisan Melayu, misalnya pantun dan peribahasa Melayu, yang mengungkapkan akal budi dan nilai-nilai tinggi falsafah Melayu melalui bahasa yang cukup berseni, bernas, padat dan kreatif. Itulah salah satu contoh keunikan ciptaan akal budaya manusia 'genius' Melayu yang mewarnai dan mewataki tamadun pemikiran bangsa Melayu yang tidak terdapat dalam budaya bahasa lain.

Sepintas Lalu tentang Sejarah Budaya Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu

- ***Tamadun Persuratan Bahasa Melayu Bermula dengan Kedatangan Islam***

Tamadun Ikra', tamadun membaca dan menulis, di rantau berbahasa Melayu ini bermula sejak abad ke-12 atau lebih jelas lagi sejak abad ke-13 apabila bangsa Melayu bertembung dengan tamadun Islam yang menyinari kawasan kita dengan ilmu Tauhid dan pandangan seagat yang dapat diterima oleh fitrah manusia. Tulisan Jawi yang diciptakan oleh orang Melayu berdasarkan abjad Arab pada abad itu mengandung hikmah yang luar biasa: dengan tulisan itulah bermulanya sejarah tamadun persuratan yang cukup meriah di rantau ini. Sebelum itu BM dipercayai sudah pun digunakan sebagai `bahasa ilmu' (walaupun terbatas di kalangan paderi atau pendeta dan pelajar agama dan falsafah Hindu-Buddha) pada zaman kerajaan Melayu-Sriwijaya yang ditubuhkan abad ke-7 dan yang tamat riwayatnya kira-kira pada penghujung abad ke-14. Akan tetapi buktinya dalam bentuk manuskrip tidak ada.¹ Yang ada ialah `Bahasa Melayu Kuno' yang digunakan pada beberapa batu bersurat (prasasti) dalam tulisan Pallava abad ke-7 hingga abad ke-9 atau ke-10. Tetapi, BM yang lebih tinggi daripada `Bahasa Melayu Kuno' itu sebenarnya sudah wujud di luar pusat kerajaan Melayu -Sriwijaya itu. Buktinya dapat kita lihat pada terjemahan sebuah karya bahasa Arab bertajuk *Bahr al-Lahut*, karangan Syeikh Abdullah Arif, ulama dan pemikir tasawuf dari tanah Arab yang datang ke negeri Aceh pada tahun 1177 untuk mengembangkan Islam.² Bukti yang lebih nyata lagi terdapat pada *Hikayat Raja Pasai*, iaitu hikayat Melayu yang

¹ Menurut Vlekke (1959:28), apabila mubaligh agama dari negeri China, Tsing berada di pusat kerajaan Melayu - Sriwijaya dalam abad ke-7, dia dikatakan telah menemui hampir 400 buah teks tentang agama Hindu - Buddha yang akan dibawa ke China [dikutip dalam Mahayudin, 1998:60]. Tidakkah mungkin di antara teks itu ada yang tertulis dalam BM? Buktinya tidak ada.

² Lihat Mahayudin Yahya (1998:48 - 50). Hanya 9 halaman terjemahannya dalam BM yang ditemui, namun yang penting ialah BM sudah digunakan untuk menterjemahkan karya tinggi dalam bahasa Arab yang pada zaman itu merupakan bahasa ilmu tinggi sebelum dunia Barat celik ilmu (masih berada dalam zaman "Dark Age" (Zaman Gelap).

tertua yang di-percayai tamat dikarang tidak berapa lama selepas tahun 1326 (Iskandar 1995:156).

- ***Dari Lingua Franca ke Bahasa Ilmu***

Oleh sebab BM sudah lama mencapai taraf sebagai lingua franca perdagangan dan sosial di rantau ini (lama sebelum kedatangan pedagang dan pengembang Islam dari Tanah Arab) maka pertumbuhan ilmu yang dilancarkan melalui kegiatan penulisan atau persuratan dalam BM itu, sejak terbentuknya tulisan Jawi, dapat pula merentas kawasan geografi dan sempadan etnik yang melata. Dengan demikian, kita perhatikan bahawa di mana-mana sahaja tertubuhnya kerajaan Melayu -Islam di rantau ini, di situlah wujudnya pusat perkembangan ilmu dalam BM, baik dalam bentuk tulisan mahupun dalam bentuk penyebaran lisan, berdasarkan nilai-nilai agama baru itu. Kita dapat mengenal pasti sekurang-kurangnya tujuh pusat pertumbuhan kesusasteraan dan ilmu yang penting di dunia berbahasa Melayu dari abad ke-13 (atau lebih awal lagi) hingga pertengahan abad ke-19. Kerajaan Melayu - Islam yang lain selepas Perlak³ ialah kerajaan Samudera-Pasai yang menerima Islam awal abad ke-13 (1250 - 1524). Berdasarkan sumber asli, iaitu *Hikayat Raja Pasai*, kita mendapat tahu bahawa raja yang pertama beragama Islam ialah Malik al-Saleh (1261-1289). Pasai kemudiannya ditakluk oleh kerajaan Aceh, sebuah lagi kerajaan Melayu - Aceh - Islam yang telah wujud sejak abad yang sama hingga mencapai kemuncak sebagai pusat perkembangan ilmu dan kegiatan penulisan dan intelektual yang cukup giat dalam abad ke-17. Dalam abad ke-15, di Semenanjung Tanah Melayu wujud pula kerajaan Melaka (1400- 1511) yang bukan sahaja masyhur sebagai kota pelabuhan kosmopolitan dan antarabangsa tetapi juga sebagai kuasa pengembang tamadun Islam di rantau ini. Dari Melaka dan Aceh sejarah ini merebak pula ke Johor (1511-1798), kemudian ke Riau (1798 -1900). Di Sumatera wujud pula pusat kesusasteraan

³ Perlak yang terletak di wilayah Aceh, dipercayai adalah kerajaan Melayu - Sumatera yang pertama memeluk agama Islam di rantau ini, iaitu dalam tahun 849 M. Maulana Abdul Aziz yang berketurunan Quraisy dilantik sebagai Sultan Perlak yang **pertama dengan gelaran Sultan Alauddin Saiyid Maulana Abdul Aziz** Syah.

dan ilmu di Palembang (1650-1824). Islam masuk Jawa pada pertengahan abad ke-14 (dibawa oleh Maulana Ibrahim) di Gersik dan hampir seluruh pulau Jawa memeluk Islam apabila kerajaan Majapahit diislamkan sejak abad ke-16.⁴ Makasar juga merupakan pusat kerajaan Melayu -Bugis -Islam yang berpengaruh. Kita juga dapat menyebut sebuah lagi pusat perkembangan ilmu dalam BM, iaitu di Patani, Selatan Siam.

Walaupun pusat-pusat pemerintahan atau kerajaan itu berbeza-beza dari segi letak kawasan geografi dan ciri-ciri budaya setempatnya namun pusat-pusat itu menghasilkan dan mengongsi satu tamadun supraetnik yang sama, iaitu tamadun kesusasteraan dan budaya ilmu yang dibentuk dan dikembangkan dalam BM persuratan yang sama (tidak dalam bahasa daerah masing-masing) dan melalui agama Islam sebagai sumber dan pembentuk kemajuan fikiran dan kepercayaan yang dominan. Tiap-tiap pusat itu mengamalkan cara pembentukan tamadun yang sama. Tiga contoh yang dapat kita sebutkan ialah (a) melalui kegiatan penulisan dan perbincangan tentang ajaran agama Islam yang merupakan bahan ilmu baru yang dikembangkan di pusat-pusat kerajaan Melayu - Islam itu, selain penulisan berbentuk cerita atau hikayat tentang para nabi, pahlawan Islam dan sebagainya; (b) melalui perintah atau sokongan istana terhadap kegiatan mengembangkan ilmu baru itu, misalnya dengan mengundang atau menggalakkan para ulama/pemikir dari luar negeri (khususnya dari Tanah Arab) untuk menyebarkan atau mengadakan perbincangan dan pengajaran agama di rantau ini;⁵ dan (c) melalui penubuhan institusi pendidikan/pengajian

⁴ Bagaimanapun, Jawa tidak tumbuh sebagai pusat kesusasteraan Melayu kerana pengaruh budaya Jawa - Hindu lebih kuat di situ.

⁵ Dua contoh dapat kita sebut: (i) Ibnu Batutta, pengembara Islam yang masyhur itu, apabila dia singgah selama lebih kurang dua bulan setengah di Pasai pada tahun 1345, telah menemui Sultan al-Malik al-Zahir, raja Pasai yang ketiga, di masjid selepas sembahyang Jumaat. Ibnu Batutta melihat bagaimana sultan itu mengambil bahagian dalam majlis perbincangan dan ~`perbahasan bersama-sama dengan beberapa orang ulama fuqaha yang datang dari Tanah Arab (lihat R.G. Dunn 1989:257 - 58; Azyumardi Azra 1997:148-149, dan juga Arnold 1896/200: 368); (ii) Pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Thani di Aceh (beliau berasal dari Pahang), Syeikh Nuruddin al-Raniri diundang datang lagi ke Aceh untuk mematahkan ajaran `wahdatul wujud' yang beliau percaya dikembangkan oleh ahli tasawuf Aceh yang terkenal, Hamzah Fansuri dan Shamsuddin asSumaterani. Perbahasan ini dilakukan di muka umum dan di hadapan raja, di Masjid Baitu'r-Rahman, Banda Aceh. Akibatnya, sultan telah

agama, misalnya institusi madrasah, `rangkang', `dayah' (di Aceh, misalnya) atau `langgar' di Jawa, surau dan kemudiannya `sekolah pondok' (lihat Azyumardi Azra, 1997). Tiap-tiap pusat tamadun itu melahirkan contoh-contoh karya dan tokoh pengarang yang unggul, yang menjadi `model' atau pemangkin atau `catalyst' kepada kawasan subetnik di luar pusat yang dominan itu untuk melahirkan karya-karya berdasarkan sumber yang sama dalam bahasa daerah masing-masing atau untuk menterjemahkan karya-karya penting dari pusat-pusat tamadun yang dominan itu kepada bahasa daerah masing-masing. Zaman kerajaan Pasai, walaupun tidak meninggalkan nama pengarang atau karya besar yang dapat disebut-sebut hingga hari ini, namun sumbangan Pasai dalam perkembangan tamadun ilmu ini terletak pada pengaruhnya sebagai pusat pengajian Islam yang terawal, sehingga raja Melaka, khususnya tentang ilmu tasawuf.⁶ Walaupun kita dapat memastikan di manakah *Hikayat Raja Pasai* (HRP) dikarang, mungkin di Pasai, mungkin di Aceh, namun ilham dan bahannya berasal dari Pasai. Melaka terkenal dengan *Sulalat al-Salatin*,⁷ karya agung Melayu yang masyhur, yang mengambil beberapa bahan daripada HRP Palembang terkenal dengan nama pemikir dan pengarangnya yang besar, iaitu

memerintahkannya supaya karangan-karangan tokoh tasawuf itu dibakar. Hal ini mengingatkan kita tentang peristiwa mihnah yang dilancarkan oleh Khalifah al-Ma'mun (813 - 33) - khalifah ini menganut fahaman/falsafah golongan Muktaizilah - terhadap ulama syariah, terutama Imam Ahmad Hanbal yang terpaksa mengalami penderaan yang terus kerana menentang fahaman itu. Namun, walaupun berlaku peristiwa, mihnah itu di Aceh, hal yang penting kita ketahui ialah, pada zaman itu sudah wujud wacana akliah di rantau kita.

⁶ Contohnya, dalam *Sulalat al-Salatin* (Sejarah Melayu) disebut kisah bagaimana Sultan Mansur Syah (memerintah 1456-1477) menerima sebuah kitab bertajuk *Furr Manzum* daripada seorang sarjana Makkah, Maulana Abu Isyaq. Sultan cukup berminat untuk mengetahui isinya tetapi mendapati bahawa buku itu terlalu sukar difahami, lalu beliau menghantar rombongan pegawai istana ke Pasai untuk meminta supaya kitab itu diterjemahkan ke dalam BM. Seorang penterjemah bernama Tuan Pematakan telah menterjemahkan dan mentafsirkan buku itu dalam BM dan menyerahkan hasilnya kepada sultan. Baginda cukup gembira dan menunjukkan terjemahan itu kepada Maulana Abu Isyaq. Suatu kisah lain, dalam "Sejarah Melayu" juga, sultan Melaka meminta para ilmuwan di Pasai untuk menjelaskan masalah sama ada penghuni syurga dan penghuni neraka akan kekal di sana selamanya atau tidak. Soalan ini dijawab oleh Tun Makhdum dan Tun Hassan dari Pasai.

⁷ Karya agung Melayu ini dipercayai mula dikarang di Melaka, kemudian disambung di Johor dan terhenti pada tahun 1536 (menurut R.O. Winstedt, 1969:83, 93) dan kemudian disambung lagi oleh Tun Seri Lanang sehingga naskhah itu dipercayai tamat pada tahun 1612.

Abdul Samad al-Palembangi, yang masyhur dengan karya *magnum* opusnya, *Siyart al-Salikin*, sebuah karya teologi dan tasawuf, tebalnya kira-kira 1200 halaman. Di Palembang juga terdapat sebuah karya berbentuk syair, iaitu *Syair Sinyor Kosta* yang menggunakan tema 'moden' dan yang dipercayai dikarang oleh Sultan Badarudin (Iskandar, 1995: xxv). Melaka pada zaman kuasa Barat (Inggeris) pada pertengahan abad ke-19 terkenal pula dengan nama pengarang, pemikir dan pengkritik sosialnya, Abdullah bin Abdul Kadir Munshi atau Abdullah Munshi, dan di Riau pada zaman yang sama, muncul tokoh budaya, sejarah dan ahli bahasa, iaitu Raja Ali Haji yang menghasilkan *Tuhfat al-Nafis*, *Salasilah Melayu dan Bugis* (yang dikarang bersama-sama dengan pengarang lain) dan dua buah buku bahasa atau ensiklopedia, iaitu *Kitab Pengetahuan Bahasa* dan *Bustan al-Katibin*. Makasar terkenal dengan karya *Syair Perang Makasar*. Tentang Patani sebagai pusat kegiatan ilmu, saudara dapat mengkajinya daripada koleksi dan dokumentasi besar yang telah diusahakan oleh Haji Wan Mohd. Saghir Abdullah, misalnya tentang tokoh pemikir dan pengarang agungnya, Syeikh Ahmad Daud Al-Fathani.

- ***Revolusi Ilmu dan Persuratan Abad ke-17***

Kegiatan penulisan dan wacana ilmu dan pemikiran di rantau berbahasa Melayu ini sampai ke puncaknya dalam abad ke-17, khususnya di Aceh, sezaman dengan teretusnya revolusi sains atau ilmu di Eropah. Bezanya antara dua tamadun yang berlainan itu terletak pada empat perkara. Pertama, kalau di Eropah revolusi ilmu itu dicetuskan dalam pelbagai bahasa Eropah, khususnya dalam tiga bahasa, iaitu bahasa Inggeris, bahasa Perancis dan bahasa Jerman, revolusi persuratan dan ilmu di dunia Melayu - Islam pada zaman yang sama dicetuskan dalam satu bahasa sahaja, iaitu bahasa Melayu, tidak kira dimanakah perkembangan itu berlaku, misalnya di Aceh yang mempunyai bahasanya sendiri, iaitu bahasa Aceh (*Hikayat Aceh*, misalnya yang dikarang dalam BM). Kedua, kalau di Eropah revolusi ilmunya melahirkan dua aliran pemikiran, iaitu pemikiran rasionalisme (yang diwakili oleh pemikir seperti John Locke, John Stewart Mill, dan David Hume, semuanya dari Britain) dan aliran rasionalisme (yang diwakili oleh Rene Rescartes dari Perancis, dan Emmanuel Kant dari Jerman), di alam Melayu pada

zaman yang sama berlaku juga dua aliran pemikiran atau wacana ilmu yang dari segi perkembangan akhlah atau ilmu, kira-kira dapat disegandingkan dengan dua aliran pemikiran Eropah yang tersebut, iaitu `aliran syariah' atau mazhab Shafie, dan aliran tasawuf yang dapat kita masukkan dalam bidang ilmu metafizik, iaitu ilmu yang pada asasnya memikirkan soal wujud Al-Khalik (Yang Maha Mencipta) dan wujud makhluk (yang diciptakan), zat Allah, dan sebagainya. Ketiga, revolusi ilmu di Eropah itu wujud setelah bahasa Latin digantikan oleh bahasa-bahasa kebangsaan Eropah,terutamanya bahasa Inggeris, bahasa Perancis dan bahasa Jerman, manakala di dunia Melayu, cetusan itu merupakan sambungan watisan atau tradisi penulisan dan pemikiran yang telah bermula dalam BM sejak abad ke-13.⁸ Keempat, walaupun revolusi ilmu di Aceh itu tidak menghasilkan `ahli sains' seperti Copernicus, Isaac Newton, atau manusia seperti Rene Descartes (ahli falsafah yang juga ahli matematik atau geometri) namun, jikalau dilihat dari segi isi atau wacana ilmu (tidak kira dalam bidang apa) yang dibincangkan, jelas bahawa ilmu yang dikarang atau diterjemahkan atau dibahasakan oleh pengarang berbahasa Melayu itu ialah ilmu tinggi yang sama kompleksnya dengan isi ilmu sains. Kitab *Aqa'id* karangan al-Nasafi yang diterjemahkan ke dalam BM di Aceh dalam tahun 1590 (menurut Prof. Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1988) misalnya, merupakan kitab tentang ilmu teologi, falsafah dan metafizik tinggi, yang juga menyentuh sedikit sebanyak pengaruh falsafah Yunani klasik. Karya-karya pemikir agung Islam, misalnya Imam al-Ghazali (m.111 M) dan pemikir tasawuf besar dari Andalusia (Islam Sepanyol), Ibnu Al-Arabi (1165 -1240), sering menjadi bahan dan sumber kajian pengarang Melayu abad ke-17 dan ke-18. Hamzah Fansuri mempelajari pemikiran tasawuf Ibnu al-Rabi dan beberapa orang pemikir tasawuf Arab yang lain untuk menghasilkan syair-syair sufi atau mistiknya. Abdul Samad al-

⁸ Seyogia diingat bahawa pada abad ke-13, tidak ada karya ilmu yang besar dalam bahasa Inggeris, bahkan dalam bahasa-bahasa Eropah yang lain. Kalau ada pun, karya itu ditulis dalam bahasa Latin.

Palembangi menggunakan dan menghuraikan teologi dan tasawuf Imam al-Ghazali dalam karyanya *Siyart Al-Salikin*⁹

Seyogianya diingat bahawa pengaruh Imam Ghazali juga merebak ke Eropah sejak abad ke-12 atau ke-13: pemikiran Ghazali mendahului beberapa orang pemikir Barat yang terkenal, misalnya Rene Descartes (tentang persoalan teori ilmu Hume (1711-1776) (tentang persoalan sebab-musabab atau 'causation'). Kalau kita membaca karangan Rene Descartes (1596 - 1650), *Discourse on Method and the Meditations*¹⁰ (Descartes dianggap sebagai 'the father of modern European philosophy' dengan teori dualismenya) kita akan mendapati bahawa persamaannya dengan karangan Imam Ghazali, *Al-Munqidh min al-Dalal*¹¹ banyak sekali - mungkin Descartes terpengaruh dengan (atau meniru?) pemikiran Ghazali.

Saya menyebut hal-hal ini untuk menunjukkan bahawa pada zaman itu, khususnya sejak abad ke-17, BM telah digunakan untuk menterjemahkan atau membincangkan pemikiran tokoh-tokoh ilmu besar dari dunia Arab-Islam, tokoh-tokoh yang juga mempengaruhi falsafah dan pemikiran Barat dalam abad ke-17 dan abad ke-18. Pada zaman itulah lahir berpuluh-puluh karya agung Melayu dalam bidang kesusasteraan, teologi, falsafah, metafizik atau tasawuf yang antaranya dapat kita sebut *Sulalat al-Salatin*, *Hikayat Hang Tuah* (epik besar Melayu yang setaraf dengan karya-karya besar kesusasteraan dalam bahasa Inggeris pada zaman yang sama), *Bustan al-Salatin* (karya *magnum opus* al-Raniri), *Taj al-Salatin*, puisi tasawuf Hamzah Fansuri, dan banyak lagi. Al-Raniri menghasilkan kira-kira 29 buah karya yang semuanya dikarang di Aceh (lihat Ahmad Daudi (1978:18 - 26)).¹²

⁹ Lihat perbincangan dan analisis yang mendalam tentang pemikiran pengarang ini dalam disertasi Ph.D., *Tasawuf Abdul Samad al-Palembangi* (oleh M. Chatib Quzwain, 1985).

¹⁰ *Discourse on Method and the Meditations* (Terjemahan dan Pengenalan oleh F.E. Sutcliffe), London: Penguin Books, 1968.

¹¹ Hal ini diakui oleh W. Montgomery Watt, yang menterjemah dan memperkenalkan karya Imam Al-Ghazali, *Al-Munqidh min-al-Dalal* (judul terjemahannya dalam bahasa Inggeris, 'The Faith and Practice of al-Ghazali', 1963/1953).

¹² Tidak semua karya itu ditulis dalam bahasa Melayu sepenuhnya; ada karya yang ditulis dalam bahasa Arab tetapi isinya diterjemahkan atau dihuraikan dalam bahasa Melayu.

Jikalau orang bertanya, mengapakah kebanyakan karya ilmu pada zaman itu tertumpu kepada soal agama (teologi) Islam, soal fikah (fiqh), metafizik atau tasawuf, dan tidak banyak karya `sains fizikal' atau `sains alamiah'. Jawapan kita ialah pada zaman itu, memang ilmu agama dan masalah `pertentangan' antara ajaran tasawuf dengan ajaran Sunah dan mazhab Syafie merupakan topik atau isu penting dalam proses pembentukan `mazhab' dan kepercayaan (atau aqidah) di alam Melayu. Perihal berlakunya perbahasan dan penulisan tentang persoalan itu - misalnya debat antara Ar-Raniri dengan Shamsuddin as-Sumaterani dan Hamzah Fansuri tentang soal `wujudiah' atau `wahdatul wujud' di hadapan raja -menandakan wujudnya suasana intelektual di alam Melayu pada zaman itu. Suasana yang sama berlaku juga di dunia Arab - Islam sehingga lahir orang seperti Imam AI-Ghazali untuk menemukan jalan sintesis antara syariah, sufisme dan falsafah atau ilmu duniawi, dan melalui proses itu Islam *mainstream*, Islam fundamental, terselamat dan kekal hingga ke hari ini. Proses yang sama pun berlaku di alam Melayu, dan melalui proses itulah agama Islam terpelihara di alam Melayu. Percanggahan antara ajaran syariah dan ajaran tasawuf di Aceh akhirnya dapat didamaikan oleh Abdul Rauf Singkel.

- **Bidang Ilmu Lain**

Tetapi, tidaklah benar sama sekali jikalau dikatakan bahawa korpus ilmu sepanjang zaman itu hanya bercorak teologi atau tentang ilmu akhirat semata-mata, dan tidak ada korpus ilmu duniawi atau ilmu atau sains alamiah. Sebenarnya bidang `ilmu tradisional' dalam BM cukup banyak. Antaranya ialah ilmu perubatan, ilmu bintang (astronomi), ilmu senjata, ilmu pertukangan (seperti yang terbayang pada istilah `pandai besi', `pandai emas', dan sebagainya), ilmu seni bina, ilmu pengasih, ilmuurut, ilmu perkapalan (ingat bahawa bangsa Melayu terkenal sebagai bangsa pelaut dan juga pedagang), dan ilmu tanaman atau pertanian.¹³ AI-Raniri, misalnya, juga menulis tentang sejarah, iaitu sejarah Semenanjung Tanah Melayu, dan sejarah Aceh.¹⁴ Kebanyakan ilmu ini tidak ditulis pada zamannya atau kalau ada pun naskhahnya mungkin sudah hilang, tetapi dikekalkan melalui amalan, melalui proses turuntemurun dan kepetuaan secara lisan. Setakat ini saya tahu, belum ada usaha untuk membentuk atau merekonstruksi `sistem ilmu' bangsa

¹³ Lihat juga Harun Mat Piah, `Keputusan Ilmu Tradisional', dalam Zalila Sharif dan Jamilah Haji Ahmad (Penyelenggara), *Kesusasteraan Melayu Tradisionat*. Kuala Lumpur: DBP, 1993, him. 505 - 554.

¹⁴ Lihat, misalnya, karangan beliau *Bustanu's-Salatin* Bab II, Fasal 13, dalam T. Iskandar (ed.) (1966).

Melayu secara menyeluruh dan sistematik, seperti yang dilakukan oleh pengkaji Barat terhadap sistem pemikiran dan epistemologi berdasarkan tradisi mereka sejak zaman pemikir klasik Greek 2500 tahun dahulu.

Bahasa Melayu `Moden' Sejak Abad ke-17

Kesan kegiatan penulisan dan wacana intelektual yang secara uniknya mencapai kemuncaknya dalam abad ke-17 itu terhadap keupayaan BM sebagai alat pengungkapan ilmu tinggi, luar biasa. Para pengarang dan pemikir Melayu - Indonesia dahulu kala mengembangkan BM secara kreatif, yakni melalui kegiatan penulisan dan pemikiran. Dengan cara ini penterjemah kitab `Aqid misalnya, telah menciptakan atau menyerap sebanyak 179 perkataan dan istilah dari bahasa Arab (termasuklah antaranya istilah yang memang sudah lazim digunakan dalam BM sebelum itu; Syed Muhammad Naquib 1988:77). Sesiapa yang membaca BM yang digunakan oleh penterjemah karya tersebut pasti akan berasa `kagum' melihat betapa tingginya BM itu - barangkali tidak banyak orang Melayu hari ini yang mampu menggunakan ragam BM setinggi itu untuk mengungkapkan ilmu tinggi `zaman moden' ini. Hamzah Fansuri menyerapkan tidak kurang daripada 700 istilah baru dari bahasa Arab. Bahasa yang digunakan oleh Hamzah Fansuri (dan tentunya juga bahasa pengarang-pengarang sezaman dengannya) dianggap oleh beberapa orang sarjana hari ini sebagai `bahasa moden', iaitu bahasa yang memperlihatkan keupayaannya untuk mengungkapkan pemikiran dan hujah logikal, analitikal, dan `saintifik'.¹⁵ Merekalah yang `mencipta' istilah baru (bukan orang lain), bukan jawatankuasa istilah seperti zaman kita hari ini) dan menyebarkan dan memantapkan istilah itu melalui tulisan mereka. Demikianlah caranya bahasa Melayu ilmu dan sastera dikembangkan pada zaman itu.

Kemungkinan Rantau Berbahasa Melayu Menjadi Pusat Kecemerlangan Tamadun dan Kemajuan Ilmu Bahasa dalam Bahasa Melayu - Bahasa Indonesia Abad ke-21

- ***Soal Persekitaran***

Pertumbuhan tamadun ilmu sangat bergantung kepada wujudnya persekitaran atau keadaan-keadaan tertentu yang memungkinkan pertumbuhan itu. Di Alam Melayu, persekitaran ini terbentuk di pusat kerajaan, di kota pelabuhan dan perdagangan. Di situlah BM berkembang sebagai bahasa pentadbiran negeri, bahasa undang-undang,

¹⁵ Prof. A. Teeuw menggunakan istilah `bahasa moden' untuk mencirikan BM Hamzah Fansuri (disebut dalam Abdul Hadi, W.M. (1995). Syed Muhammad Naquib menganggap bahasa itu sebagai `bahasa saintifik' (lihat Naquib, 1969). .

bahasa istana, selain sebagai lingua franca, atau sebagai `bahasa perdagangan' yang digunakan atau terpaksa digunakan oleh penduduk pelbagai bangsa dan kumpulan etnik, baik dari seluruh kawasan Kepulauan Melayu atau Nusantara mahupun dari dunia *luar* (Arab, India, China, Siam, malah Eropah). Di situlah juga berlakunya pertembungan budaya yang aktif dan aman antara tamadun luar dengan tamadun setempat, dan di situlah juga tumbuhnya kegiatan penulisan atau persuratan yang dicetuskan dalam BM yang sudah berfungsi sebagai bahasa kerajaan pusat dan bahasa istana. Perlu diingat juga bahawa `minda' atau `budaya intelek' Melayu tidak kosong atau berada di peringkat `primitif' pada ketika tradisi persuratan itu mula berkembang di rantau ini. Bangsa Melayu sudah membentuk sistem akal budinya yang asli melalui `sastera lisan' sebagai wadah pencetusan tamadun pemikiran dan nilai budaya tinggi. Jadi, apabila pengaruh `ilmu baru' disebarkan oleh pendakwah dan ulama Islam melalui pusat-pusat tamadun yang kita sebutkan tadi, bangsa Melayu - Indonesia sebenarnya sudah celik akal untuk menerima, memahami dan membahaskan ilmu itu, baik dalam tulisan berbahasa Melayu mereka ataupun melalui wacana lisan. Sebagai perbandingan, bangsa Portugis yang memerintah Melaka selama lebih seratus tahun (1511- 1641) tidak meninggalkan apa-apa kesan atau pengaruh budaya dan ilmu pada bangsa Melayu kerana mereka tidak membawa apa-apa tamadun yang dapat dicontohi dan dipelajari oleh orang Melayu selain agenda penjajahan dan 'peperangan.

- ***Gangguan terhadap Pertumbuhan Tamadun Ilmu di Rantau Ini***

Persekitaran yang tersebut itulah yang dimusnahkan atau diganggu oleh kuasa-kuasa penjajah Barat. Mereka menguasai kota pelabuhan dan memonopoli perdagangan bangsa Melayu. Kerajaan Melayu tidak lagi sebebaskan dahulu untuk terus mengembangkan tamadun ilmu, khususnya melalui wacana Islamiah secara lebih aktif lagi. Akibatnya, bangsa Melayu - Indonesia tidak berdaya menghasilkan karya-karya ilmu dan persuratan yang besar dalam BM selepas zaman Abdullah Munsyi dan Raja Ali Haji sejak pertengahan kedua abad ke-19. Dunia Melayu - Indonesia yang diwakili oleh pihak raja mencintai ilmu dan para ulama, terpaksa menghabiskan sebahagian besar tenaga kreatifnya untuk menentang gangguan, campur tangan dan akhirnya penjajahan politik, ekonomi dan budaya Inggeris dan

Belanda mulai abad itu. Satu persatu pusat tamadun Melayu - Indonesia yang dibina dan diwarisi sejak abad ke-13 itu jatuh ke tangan kuasa penjajah Barat. Alat tamadun bangsa Melayu - Indonesia yang pertama sekali menjadi sasaran penjajahan itu ialah bahasa Melayu. Bangsa Barat itu cukup menyedari bahawa inilah alat yang menjadi sumber kekuatan budaya atau tamadun penduduk rantau ini sejak abad ke-13 lagi. Alat ini mesti dimusnahkan, kalau tidak pun, disekat perkembangannya supaya tidak akan berfungsi lagi sebagai alat kemajuan bangsa Melayu itu di seluruh rantau ini dalam zaman kekuasaan mereka. Di Tanah Melayu, pihak Inggeris telah menurunkan darjat BM ke taraf `bahasa vernakular', bahasa untuk rakyat biasa, bahasa kaum petani, yang perlu diajarkan di peringkat sekolah rendah Melayu sahaja. Bayangkan, BM yang telah menghasilkan `revolusi ilmu' pada abad ke-17, BM yang telah menghasilkan karya-karya kesusasteraan agung sejak pada abad itu telah diturunkan darjatnya menjadi bahasa sekolah rendah, iaitu `bahasa vernakular'.

Namun demikian, walaupun dasar politik bahasa Inggeris di Tanah Melayu itu tidak berjaya menggantikan BM dengan bahasa Inggeris sebagai alat budaya bangsa Melayu,¹⁶ pengaruh atau `imej' bahasa Inggeris sebagai `bahasa kemajuan' dalam persekitaran `pembaharuan baru' yang dibawa oleh Inggeris melalui sistem pentadbirannya, sistem undang-undangnya, sistem pendidikannya, dan sistem ekonomi kapitalismenya, yang nampaknya kekal dalam minda golongan-golongan elit Melayu berbahasa Inggeris selepas kemerdekaan. Merekalah yang sekarang berkata bahawa bahasa Inggerislah bahasa yang penting untuk kemajuan negara Malaysia, bahkan untuk kemajuan orang Melayu, dan bukan BM. Jadi, hari ini kalau pun BM akan mengalami proses peminggiran sebagai `bahasa kemajuan'

¹⁶ Perlu diingat bahawa Negeri-negeri Melayu yang diwakili oleh raja dan golongan bangsawan tradisional Melayu tidak hilang sepanjang zaman penjajahan Inggeris itu. Inilah pusat-pusat tamadun tradisional Melayu yang mengekalkan BM sebagai alat budayanya dan pihak Inggeris terpaksa menerima hakikat bahawa hanya melalui bahasa Melayu dan melalui raja-raja Melayu itulah seluruh rakyat Melayu yang tidak mengetahui bahasa Inggeris dapat dihubungi dan ditadbirkan. Hal yang sama berlaku juga di Indonesia pada sepanjang pemerintahan Belanda.

ekonomi, ilmu dan teknologi di Malaysia, dan proses ini nampaknya sedang berlaku sekarang, puncanya bukan bahasa Inggeris lagi, bukan penjajah Barat, bukan proses globalisasi, tetapi ialah bangsa Melayu itu sendiri. Inilah kemungkinan bahaya besar yang dihadapi oleh bangsa Melayu dalam wawasan negara dan bangsa Melayu untuk menjadi bangsa yang dikatakan maju. Dalam abad-abad yang lepas, penjajahan budaya bahasa asing ini tidak berlaku pada para pemikir dan pengarang berbahasa Melayu di rantau ini. Hari ini pihak yang menentukan dasar bahasa di Malaysia misalnya, dengan bangganya mengisytiharkan bahawa mereka hendak menjadikan Malaysia sebagai 'pusat kecemerlangan ilmu (dalam bahasa Inggeris tentunya) di rantau ini'. Maka itulah, ratusan Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya ditubuhkan atau dibiarkan ditubuhkan seperti cendawan busut banyaknya. Akibatnya, segala usaha yang dilakukan sejak 43 tahun ini untuk membina dan mengembangkan korpus BM, misalnya, ratusan ribu 'istilah ilmu' telah diciptakan, nampaknya semacam sia-sia saja. Korpus ini tidak akan menjadikan bahasa kita sebagai alat pembentuk kemajuan di rantau kita ini jikalau dasar budaya bahasanya tidak jelas dan tidak tegas. Mahu tidak mahu, dasar budaya bahasa atau dasar politik bahasa di negara MABBIM mesti merujuk kepada hakikat bahawa rantau ini ialah rantau bahasa Melayu - Bahasa Indonesia. Di rantau ini, identiti kita bukan etnik tetapi budaya: kita dikenal sebagai bangsa berbahasa Melayu - Bahasa Indonesia. Inilah warisan tamadun bersama yang kita warisi sejak ratusan tahun dahulu, dan kita jangan membiarkan kuasa-kuasa globalisasi yang digerakkan dari luar, misalnya melalui bahasa Inggeris, memusnahkan identiti ini, kerana jikalau identiti ini termusnah, kawasan kita tidak akan maju berdasarkan kepentingan kita, kehendak kita, dan acuan kita.

- **Cadangan**

Apakah yang perlu kita lakukan.50 untuk mengekalkan identiti kita sebagai bangsa berbahasa Melayu-bahasa Indonesia dirantau ini?

(1) Pertama, bangsa berbahasa Melayu - bahasa Indonesia hendaklah menjadi bangsa pencipta kemajuan atau pembaharuan dalam bidang-bidang yang

dianggap penting untuk kemajuan dan kekuatan manusia dan negara-bangsa di dunia hari ini, iaitu bidang pendidikan, ilmu, sains, ekonomi, perusahaan dan teknologi dalam atau melalui bahasa kita. Dengan demikian barulah bahasa kita akan dianggap penting sebagai bahasa tamadun tinggi. Orang akan cukup tertarik untuk mempelajari dan menggunakan bahasa ini dan bukan bahasa lain sebagai 'bahasa kemajuan'. Tetapi persekitaran ini tidak akan wujud sekiranya kepimpinan politik di negara-negara MABBIM tidak cekap, tidak berkesan, dan tidak mempunyai kesedaran budaya bahasa Melayu - bahasa Indonesia yang tinggi dan tulen. Dari segi budaya bahasa, Bapak Gus Dur dapat dianggap 'model' yang baik kerana apabila beliau diwawancara oleh CNN, beliau berbicara dalam bahasa Indonesia, walaupun saya kira beliau mengetahui bahasa Inggeris. Para pemimpin Jepun misalnya, selalu menggunakan bahasa Jepun apabila mereka bertemu secara rasmi dengan para pemimpin dari negara lain. Begitu juga para pemimpin negara Perancis, atau negara China, atau Korea. Mereka mewakili negara yang maju. Hanya negara yang miskin, yang tidak maju sahaja yang selalunya meniru atau menggunakan bahasa orang lain.

- (2) Perlunya wujud persefahaman dan kerjasama yang erat antara negara-negara MABBIM dalam lapangan pendidikan atau pengajian tinggi. Beberapa institusi pengajian tinggi di negara-negara MABBIM, misalnya Institut Teknologi Bandung (ITB) dan Universiti Indonesia (UI) di Indonesia, dan Universiti-universiti awam di Malaysia menggunakan bahasa MABBIM sebagai alat pengantar utamanya, dan tidak kalah dengan institusi pengajian tinggi yang terkenal di negara lain. Semua IPT ini dapat kita dijadikan pusat kecemerlangan ilmu di rantau ini.
- (3) Rantau ini perlu dimajukan sebagai pusat penyelidikan dan kegiatan penghasilan penerbitan ilmu atau ilmiah 'indigenus' dalam bidang sains, ilmu kemasyarakatan atau sains sosial dalam bahasa MABBIM. Projek-projek kerjasama antara negara MABBIM dalam bidang penyelidikan dan penerbitan perlu digalakkan. Pasaran buku di rantau ini seharusnya menjadi pasaran buku bahasa Melayu - bahasa Indonesia. Mengapa tidak? Bukankah lebih daripada

200 penduduk di rantau ini mengetahui bahasa MABBIM? Saya tidak mempunyai statistik, tetapi saya dapat mengagak bahawa tidak lebih daripada 25% penduduk rantau ini yang mengetahui bahasa Inggeris di peringkat yang tinggi bukan bahasa Inggeris ragam rendah yang digunakan sebagai *bahasa kedua* untuk kemajuan bangsa kita. Mengetahui bahasa-bahasa lain seperti Inggeris, Cina, Arab, Perancis dan sebagainya memang baik dan mungkin perlu untuk digunakan sebagai *alat bantu* dalam usaha memajukan negara dan bangsa kita.

- (4) Para pemimpin negara MABBIM perlu selalu mengadakan hubungan dan dialog budaya. Dari segi kepentingan apa pun (budaya, ekonomi, politik, dan keselamatan) kawasan negara MABBIM ini tentunya jauh lebih penting daripada kawasan Afrika atau kawasan-kawasan lain yang tidak ada hubungan warisan bersama dengan kita.
- (5) Bahasa MABBIM hendaklah digunakan sebagai bahasa rasmi dalam pertemuan rasmi antara para pemimpin negara-negara MABBIM. Jikalau para pemimpin dan pegawai dari negara-negara MABBIM menguasai bahasa Melayu - bahasa Indonesia, mengapa mereka mesti menggunakan bahasa asing untuk berbincang dan berhubung antara satu sama lain? Kita memerlukan peranan dan contoh dari atas untuk menyerlahkan imej dan darjat bahasa kita di mata dunia.

Rujukan

- Abdul Hadi, W.M. 1995. *Hamzah Fansuri: Risalah Tasawuf dan Puisipuisinya*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Ahmad Daudy, 1978. *Syeikh Nuruddin Ar-Raniri (Sejarah, Karya dan Sanggahan Terhadap Wujudiyah di Aceh)*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Arnold, Thomas, 1892/2001. *The Spread of Islam in the World: A History of Peaceful Preaching*. New Delhi, India: Goodword Books. [Baca terutamanya, Bab XII, 'The Spread of Islam in the Malay Archipelago', hlm. 363 -407].

Azyumardi Azra, 1997. "Education Law, Mysticism: Constructing Social Realities" dalam Taib Osman (ed.), *Islamic Civilization in the Malay World*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan The Research Centre for Islamic History, Art and Culture, Istanbul.

Chatib, M. Quzwain, 1985. *Mengenal Allah: Suatu Studi Mengenai Ajaran Tasawuf Syaikh 'Abdus-Samad Al-Palembangi*. Jakarta: Bulan Bintang.

Dunn, R.G., 1989. *The Adventures of Ibn Batutta: A Muslim Traveller in the Fourteenth Century*. Berkeley: University of California Press. Ferguson, Charles, A., 1968. "Language Development", dalam Joshua A. Fishman, Ferguson, C.A., dan Das Gupta, J. (eds.), *Language Problems of Developing Nations*. New York: John Wiley and Sons, hlm. 27 - 35.

Fishman, Joshua, A., 1968. "Nationality-Nationalism and Nation-Nationalism" dlm. Fishman, J.A., Ferguson, C.A. dan Das Gupta, J. (eds.). *Language Problems of Developing Nations* - New York: John Wiley and Sons, hlm. 27 - 35.

Hassan Ahmad, 1999. *Memartabatkan Penerbitan Berbahasa Melayu Dalam Alaf Baru*. Ucapan Utama yang disampaikan pada Konvensyen Penerbitan Kebangsaan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, di Hotel Legend, Kuala Lumpur, 8 September.

Iskandar, Teuku, 1995. *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Zaman*. Brunei: Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Brunei Darussalam.

Iskandar, Teuku, 1996 (ed.). *'Bustanu's-Salatin'* Bab II, Fasal 13. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail Hamid. 1997. *'Kitab Jawi: Intellectualising Literary Tradition'*, dlm.

Taib Osman (ed.). Brunei: Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Brunei Darussalam.

Mahayudin Haji Yahya, 1998. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad, H. Syamsu As., 1999. *Ulama Pembawa Islam di Indonesia dan Sekitarnya*. Jakarta: Penerbit Lentera.

Sejarah Masuknya Islam Ke Indonesia (Risalah Seminar 1963I. Medan: Panitia Seminar Sejarah Masuknya Islam Ke Indonesia.

Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1969. *Preliminary Statement on A General Theory of the Islamization of the Malay - Indonesian Archipelago.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1988. *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the `Aka'id of Al-Nasafi.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Winstedt, R.O., 1969. *A History of Classical Malay Literature.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.